KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA
Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201 / 5202 / 5207
Portal Rasmi : https://melaka.anm.gov.my

Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/12 Jld.6 (41)
Tarikh : 19 November 2026
Bersamaan : 9 Jamadilakhir 1448H

**SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)**
**DI BAWAH SELIAAN JANM MELAKA**

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**ARAHAN KERJA BIL. 100/2026/O: JEMPUTAN TAKLIMAT PENUTUPAN AKAUN AKHIR TAHUN (PAT) 2026**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, Jabatan ini akan mengadakan satu sesi taklimat berhubung peraturan Penutupan Akaun Akhir Tahun 2026 kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan JANM Melaka seperti ketetapan berikut:-

| Butiran | | Maklumat |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 27 November 2026 (Jumaat) |
| Masa | : | 07.30 pagi – 12:15 tengah hari |
| Tempat | : | Al-Ariffin Ballroom, Mudzaffar Hotel |
| Agenda | : | Seperti di Lampiran 1 |

3. Sehubungan itu, **2 orang pegawai yang terlibat secara langsung di dalam pengurusan kewangan dan perakaunan** adalah dijemput untuk menghadiri sesi taklimat ini secara bersemuka. Oleh itu, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan hendaklah mengisi pengesahan kehadiran dan mengemukakan pertanyaan berkaitan penutupan akaun akhir tahun di pautan berikut selewat-lewatnya pada 25 November 2026 (Rabu) sebelum jam 12.00 tengah hari.

https://docs.google.com/spreadsheets/d/1iuzSKuEt7JAD039xgxd70tHSGcg1YkEs_EP68--jPBk/edit?usp=sharing

4. Bersama-sama ini dilampirkan agenda bagi taklimat PAT 2026 (Lampiran1) dan mohon kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan untuk **hadir mengikut jadual yang ditetapkan** bagi memastikan kelancaran taklimat. Untuk makluman, sebagai langkah penjimatan, sarapan pagi tidak disediakan dan makan tengahari akan diedarkan secara berbungkus kepada wakil PTJ yang hadir. Sila dapatkan kupon makan tengahari di kaunter pendaftaran dan serahkan kepada urusetia makanan di akhir sesi taklimat.

5. Kerjasama dan perhatian segera YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini adalah dihargai dan didahului ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"**
**"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"**
**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
**"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(LOKMAN BIN LATIP C.A (M))**
Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka.

s.k. 1. Timbalan Pengarah
2. Semua Ketua Seksyen
3. Fail Timbul

**LAMPIRAN 1**

# AGENDA
# TAKLIMAT PENUTUPAN AKAUN AKHIR TAHUN 2026
# PADA 27 NOVEMBER 2026 (JUMAAT)

| Masa | Perihal |
|---|---|
| 07.45-08.30 | • Pendaftaran dan agihan kupon makan kepada PTJ |
| 08.30-08.40 | • Nyanyian Lagu Negaraku<br>• Nyanyian Lagu Melaka Maju Jaya<br>• Bacaan Doa |
| 08.40-08.50 | • Ucapan Aluan Pengarah JANM Melaka<br>• Sesi bergambar |
| 08.50-09.30 | • Taklimat daripada wakil Lembaga Hasil Dalam Negeri |
| 09.30-10.30 | • Taklimat Penutupan Akaun Akhir Tahun 2026 - Operasi |
| 10.30-11.00 | • Taklimat Penutupan Akaun Akhir Tahun 2026 - Aset |
| 11.00-12.00 | • Sesi Soal Jawab bersama Pengarah JANM Melaka |
| 12.00 tengah hari | Bersurai<br>• Agihan bungkusan makan tengah hari kepada PTJ |

**SENARAI KAUNTER PENDAFTARAN MENGIKUT PEGAWAI PENGAWAL**

| | |
|---|---|
| **KAUNTER 1** | SEGMENT D3 - KEM. PENDIDIKAN MALAYSIA |
| **KAUNTER 2** | SEGMENT A2 - JAB AUDIT |
| | SEGMENT A5 - SPR |
| | SEGMENT A9 - SPRM |
| | SEGMENT B3 - JAB. PERDANA MENTERI (JPM) |
| | SEGMENT B5 - AGC |
| | SEGMENT B6 - KEM. KEWANGAN |
| | SEGMENT C1 - KEM. PERTANIAN & KESEJAHTERAAN MAKANAN |
| | SEGMENT C2 - KEM. KEMAJUAN DESA & WILAYAH |
| | SEGMENT C3 - KEM. SUMBER ASLI & KELESTARIAN ALAM |
| | SEGMENT C5 - KPDN & KOS SARA HIDUP |
| | SEGMENT C6 - KEM. KERJA RAYA |
| **KAUNTER 3** | SEGMENT C7 - KEM. PENGANGKUTAN |
| | SEGMENT C9 - KEM. SAINS TEKNOLOGI & INOVASI |
| | SEGMENT D1 - KEM. PELANCONGAN, SENI & BUDAYA |
| | SEGMENT D4 - KEM. KESIHATAN MALAYSIA |
| | SEGMENT D5 - KEM. PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN |
| | SEGMENT D6 - KEM. BELIA & SUKAN |
| | SEGMENT D7 - KEM. SUMBER MANUSIA |
| | SEGMENT D8 - KEM. KOMUNIKASI |
| | SEGMENT D9 - KEM. PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA & MASYARAKAT |
| **KAUNTER 4** | SEGMENT E1 - KEM. PERTAHANAN |
| | SEGMENT E2 - KEM. DALAM NEGERI |
| | SEGMENT E4 - KEM. PENDIDIKAN TINGGI |
| | SEGMENT E5 - KEM. EKONOMI |
| | SEGMENT E7 - KEM. PERPADUAN NEGARA |
| | SEGMENT E9 - PETRA |
| | SEGMENT M4 - NEGERI MELAKA |